

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]
TARIKH : 19 MEI 2015
SOALAN :

YB Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah seriusnya perbuatan merokok di kalangan pelajar sekolah menengah sehingga Kementerian terpaksa melaksanakan program intervensi bagi membendung ketagihan nikotin di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan. Masalah merokok dan ketagihan nikotin masih lagi merupakan suatu masalah kesihatan yang utama di negara kita. Menurut kajian *Global Youth Tobacco Survey* 2009 di kalangan pelajar sekolah berumur 13 hingga 15 tahun, hampir separuh atau 46.7% pelajar lelaki pernah menghisap rokok manakala 12.4% pelajar perempuan pernah menghisap rokok (*ever smoke*). Menyedihkan sekali, kajian yang sama juga menunjukkan hampir satu pertiga atau 30.9% pelajar lelaki adalah masih merokok (*current smokers*) dan turut membimbangkan 5.3% pelajar perempuan adalah

perokok semasa, di mana ianya adalah satu peningkatan jika dibandingkan dengan prevalen perokok semasa pelajar perempuan dari tahun 2003, iaitu sebanyak 4.2%.

Untuk maklumat Tuan Di Pertua dan Ahli Dewan, menurut rekod daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 2014 sahaja, seramai 12,266 orang pelajar sekolah menengah telah didapati merokok di dalam kawasan sekolah. Walaupun jumlah dan kadar ini menunjukkan trend penurunan jika dibandingkan dengan tahun 2012 dan 2013, apa dilihat hanyalah sebahagian daripada gambaran sebenar masalah merokok dan ketagihan nikotin di kalangan pelajar-pelajar sekolah kita. Jika masalah ini tidak dibendung dari awal, pelajar-pelajar ini akan menjadi perokok tegar dan akan menyertai 4.7 juta rakyat dewasa Malaysia yang telah ketagih kepada nikotin.

Seperti yang Tuan Di Pertua dan Ahli Dewan sedia maklum, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah menandatangani perjanjian antarabangsa Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu *Framework Convention on Tobacco Control*. Salah satu strategi yang diberi keutamaan ialah komponen perkhidmatan untuk perokok berhenti merokok. Saya percaya bahawa pelajar-pelajar sekolah bukan sahaja perlu diberi kesedaran malah mereka juga memerlukan bantuan untuk membasmi ketagihan ini agar pembelajaran mereka tidak terganggu dan pencapaian akademik dapat dipertingkatkan. Intervensi awal menerusi kerjasama pelbagai pihak dan agensi dapat mengurangkan jumlah perokok di kalangan rakyat Malaysia.